

## Siswi dalam isu pelarian di Afrika Selatan



**BERJAUHAN DENGAN KELUARGA:** Ibu bapa Cik Falihah pada mulanya khawatir dengan keselamatannya seorang diri selama tiga bulan di Cape Town. – Foto TUKIMAN WARJI.

► HAIRIANTO DIMAN  
mdhairi@sph.com.sg

SEBELUM Cik Falihah Anisah Zaimuddin Anwar mengambil keputusan ke Afrika Selatan untuk bekerja sambil belajar menangani isu pelarian di Pusat Pelarian Cape Town (CTRC), beliau terpaksa meyakinkan ibu bapanya bahawa pemergiannya adalah sesuatu yang berbaloi bagi masa depannya.

Ibu bapanya agak khawatir bukan sahaja dengan keselamatannya ke sana seorang diri selama tiga bulan malah kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggungnya sendiri.

Mahasiswa tahun ketiga, Cik Falihah Anisah, 21 tahun, juga adalah satu-satunya pelajar Singapura dari Universiti Nasional Singapura (NUS) yang menyertai program kerja sambil belajar Connect 123, gabungan antara NUS dengan pekerja sosial CTRC.

Beliau telah ke sana dari Jun hingga Ogos tahun lalu.

Matlamat program yang berlangsung selama tiga bulan itu selaras dengan minat kajianannya iaitu penyelidikan dalam isu hak imigran.

Di sana, beliau berpeluang lebih memahami pelaksanaan dasar imigresen berkenna dengan pelarian di Cape Town dan menimbul pengalaman mengenai cara kehidupan di situ melalui interaksi secara langsung bersama mereka.

Pelajar bidang kajian global yang ditawarkan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) di NUS itu berkata beliau pada akhirnya dapat meyakinkan ibu bapanya walaupun beliau tidak dibayar gaji semasa bekerja di sana.

Secara keseluruan, beliau membelanjakan sebanyak \$8,000 sepanjang tiga bulan itu.

Beliau menggunakan wang daripada Akaun Pendidikan Posmenengah (PSEA) dan wang simpanannya serta turut dibantu ibu bapanya.

Banyak persiapan harus dilakukan sebelum Cik Falihah berangkat ke Cape Town.

Beliau harus menguruskan insurans dan menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendapatkan suntikan enam vaksin.

Cik Falihah juga belajar memasak supaya dapat menyediakan makanan sendiri agar dapat berjimat semasa di sana.

Persiapan yang paling penting ialah dari segi mental kerana Cape Town mempunyai pelbagai budaya dan cara kehidupan yang berbeza.

Cik Falihah diberikan senarai buku rujukan dan filem mengenai Afrika supaya beliau dapat memahami dengan lebih lanjut keadaan di situ.

"Pada mulanya, saya memang gementar semasa di sana. Saya harus juga keselamatan saya. Ada beberapa rakan saya yang dirompak dan seorang lagi dia cu pistol," kata beliau yang mempunyai dua kakak berusia 30 dan 27 tahun.

Bagi menjamin keselamatannya di sana, Cik Falihah hanya keluar dengan sekumpulan kawan dan juga mengelak daripada keluar pada waktu malam serta tempat yang sunyi.

Beliau diberikan beberapa tugasan semasa di CTRC.

Antaranya, Cik Falihah menyediakan perkhidmatan sosial bagi pelarian Cape Town.

Perkhidmatan sosial itu hanya bagi jangka masa pendek dengan harapan mereka dapat menyara kehidupan mereka selepas mendapat bantuan itu.

Perkhidmatan tersebut termasuk pemberian baucar makanan, tempat tinggal, pakaian dan yuran sekolah bagi kanak-kanak.

Beliau juga terlibat dalam proses penilaian bagi menentukan hak yang patut diberikan kepada pelarian itu.

Bersama pekerja sosial yang lain, Cik Falihah juga menjalankan sesi kaunseling bagi golongan yang terpinggir itu.

Mereka mendengar masalah yang dihadapi golongan tersebut dan menyaranakan beberapa program yang boleh diikuti sebagai bantuan.

CTRC juga mengadakan lawatan ke rumah pelarian itu bagi menilai tahap persekitaran perumahan mereka.

"Semasa di sana saya turut mengajurkan pertunjukan fesyen bagi memberi peluang kepada pelarian yang ada minat dalam fesyen menampilkan rekaan kepada mereka tempatan di situ," katanya.

Cik Falihah bekerja keras lima hari seminggu dari 9 pagi hingga 6 petang bagi menjalankan tugasnya.

"Secara keseluruhan, saya tidak kesal mengambil bahagian dalam program ini walupun saya jauh daripada keluarga, terutama sekali semasa bulan Ramadhan. Saya tetap dapat memenuhi kehendak sebagai seorang Muslim. Saya menziarahi keluarga rakan saya yang juga Muslim dan habiskan masa bersama mereka."

"Pengalaman ini pasti tidak boleh didapati dari bilik darjah. Saya telah mempelajari banyak tentang isu pelarian di Cape Town dan rasa beruntung dapat melalui pengalaman pertama di sana," tambahnya.



**PENGALAMAN BERHARGA:** Cik Falihah (tengah) satu-satunya pelajar Singapura dari NUS yang menyertai program kerja sambil belajar Connect 123 di Afrika Selatan. – Foto ihsan FAJAHAN ANISAH ZAIMUDDIN ANWAR